

## BERITA HARI INI

**MEDIA** : WilayahKu **TARIKH** : 9 – 15 April 2021  
**MUKA SURAT** : 6 **HARI** : Jumaat - Khamis  
**RUANGAN** : Berita  
**TAJUK** : PPTGWP perkenal sistem nombor giliran baharu

# PPTGWP perkenal sistem nombor giliran baharu

AZLAN ZAMBRY

**S**EJAJAR dengan usaha untuk menjadi agensi pentadbir urus tanah dan pemungut hasil melalui perkhidmatan yang cekap dan inovatif berteraskan teknologi, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan dalam mengatasi masalah operasi kaunter sehingga terpaksa menunggu giliran terlalu lama.

Bagi menyelesaikan masalah tersebut, PPTGWP telah memperkenalkan Sistem Pengurusan Giliran (QMS) yang membolehkan pelanggan merujuk nombor giliran secara langsung di Portal Rasmi dan Facebook Live PPTGWP.

Pengarahnya, **Datuk Muhammad Yasir Yahya** berkata, melalui sistem tersebut, pelanggan tidak perlu lagi menghabiskan masa yang lama menunggu giliran untuk bertemu dengan pegawai di kaunter.

"Pelaksanaan sistem ini akan menjadikan PPTGWP di antara Pejabat Tanah pertama yang memperkenalkan sistem perkhidmatan nombor giliran secara dalam talian.

"Ia juga mengambil kira pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) dan norma baharu bagi mengawal penularan wabak COVID-19," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut Muhammad Yasir, sebelum ini PPTGWP mempunyai perkhidmatan dalam talian melalui sistem eTanah yang merupakan aplikasi bersepadu yang dibangunkan untuk urusan pentadbiran tanah secara elektronik.

"Sistem itu menyediakan kemudahan kepada pelanggan untuk menyelesaikan urusan pembayaran cukai tanah dan petak, membuat carian persendirian dan semakan status permohonan," katanya.

Beliau berkata, inisiatif tersebut diambil bagi mengelakkan kesesakan di kaunter dengan orang ramai sekaligus menyokong usaha kerajaan dalam pendigitalan penyampaian perkhidmatan



KINI orang awam boleh menyemak nombor giliran di Facebook Rasmi PPTGWP.

dengan memanfaatkan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

"Perkara ini selaras dengan saranan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk memperkasakan sistem berteraskan kerajaan digital, adaptasi digital dalam norma baharu perkhidmatan awam perlu diperluaskan," katanya.

Terdahulu, laporan sebuah portal berita *Free Malaysia Today (FMT)* yang bertajuk *The long, early morning 'paper queue' at KL land office* pada 5 April 2021, adalah berkaitan dengan pembukaan semula kaunter setelah ia ditutup ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pelanggan dari sektor guaman yang terkesan akibat urusan tanah yang belum selesai telah hadir untuk mengambil nombor giliran di agensi tersebut seawal jam 4 pagi.

Jelas Muhammad Yasir, keadaan

tersebut berlaku di luar jangkaan, antaranya penutupan operasi pada tempoh PKP di Kuala Lumpur yang diumumkan menyebabkan banyak urusan pelanggan dengan agensi tersebut tertunggak.

"Ini menyebabkan pada awal pengoperasian semula agensi ini, jumlah pelanggan yang hadir adalah ramai. Namun begitu, sejurus selepas perkhidmatan kaunter bermula, jumlah pelanggan mula susut," katanya sambil menambah PPTGWP hanya membenarkan kehadiran orang awam mula memasuki kawasan premis bermula jam 7 pagi pada setiap hari.

Katanya lagi, PPTGWP proaktif dalam meneroka pengaplikasian teknologi terkini, seperti yang diguna pakai oleh agensi-agensi lain bagi memartabatkan kualiti perkhidmatannya.

W K